



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**(Penchen dan Ganjaran) (Pindaan) Anggota Pentadbiran dan
Ahli Parlimen 1971**

DR.122/1971

RANG UNDANG²*bernama*

Suatu Akta bagi meminda Akta (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971.

[1hb Januari, 1970.]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut :

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta (Penchen dan Ganjaran) (Pindaan) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 dan hendak-lah di-sifatkan sa-bagai telah mula berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari, 1970.

Tajok
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

2. Akta (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971 ada-lah dengan ini di-pinda dengan memasukkan sa-lepas sahaja sekshen 9, sekshen baharu 9A yang berikut—

Pindaan.
Akta 23.

“Penchen
atau
ganjaran
tidak
boleh
di-bayar
dalam hal
keadaan
tertentu.

9A. (1) Tiada apa² penchen atau ganjaran boleh di-beri di-bawah Akta ini kapada mana² Anggota yang telah hilang kelayakan menjadi ahli mana² satu Majlis Parlimen dalam hal keadaan yang di-sebutkan dalam perenggan (e) atau (f) Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan.

(2) Jika mana² Anggota yang telah di-beri penchen di-bawah Akta ini telah hilang kelayakan menjadi ahli mana² satu Majlis Parlimen dalam hal keadaan seperti yang di-sebutkan di-atas, penchen itu hendak-lah terhenti serta merta :

Dengan syarat bahawa penchen itu hendak-lah di-pulehkan mulai dari kebelakangan bagi Anggota yang hilang kelayakan-nya di-bawah perenggan (e) Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan di-batalkan oleh Yang di-Pertuan Agong.”.

HURAIAN

Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda Akta (Penchen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen, 1971, bagi mengelakkan penchen atau ganjaran daripada di-bayar atau, jika penchen telah di-benarkan, bagi menahan penchen itu daripada di-bayar, kepada Ahli yang telah hilang kelayakan menjadi ahli bagi mana² satu Majlis Parlimen atas sebab² yang berikut—


- (a) anggota itu telah di-thabitkan atas suatu kesalahan oleh mana² mahkamah di-Persekutuan dan di-hukum penjara sa-lama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda sa-banyak tidak kurang daripada \$2,000 dan telah tidak mendapat ampun (Perkara 48 (1) (e) Perlembagaan Persekutuan); atau
- (b) anggota itu telah dengan sukarela memperolehi kewarganegaraan, atau menggunakan hak² kewarganegaraan dalam, sa-suatu negeri asing atau telah membuatakuan taat setia kepada sa-suatu negeri asing (Perkara 48 (1) (f) Perlembagaan Persekutuan).

Walau bagaimanapun, penchen itu akan di-pulehkan jika hilang kelayakan di-bawah (a) di-atas itu di-batalkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

DR.122/71.

PINDAAN KEPADA RANG UNDANG2 (PENSIHEN
DAN GANJARAN) (PINDAAN) ANGGOTA
PARLIMEN DAN AHLI PARLIMEN.

Gantikan angka "1971" yang terdapat
di-baris tiga dalam fasal 1 Rang Undang2 itu dengan
angka "1972".



AMENDMENT TO MEMBERS OF THE ADMINISTRATION
AND MEMBERS OF PARLIAMENT (PENSIONS AND
GRATUITIES) (AMENDMENT) BILL.

Substitute for the figures "1971" appearing
in the third line in clause 1 of the Bill the figures
"1972".